

26/07/2000

Dakyah parti lawan semakin serius

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dakyah dan kempen oleh pembangkang kini sudah sampai ke tahap amat berbahaya, termasuk dakwaan kononnya peristiwa Sauk sebagai sandiwara.

Perdana Menteri berkata, tindakan mereka itu turut mempengaruhi sebahagian rakyat yang sudah bertindak tanpa memikir sama sekali sama ada benar atau tidak pelbagai tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan.

"Mereka cuma bertindak kerana benci kepada kerajaan, marah kepada kerajaan dan sanggup mengambil tindakan yang mendatangkan banyak keburukan, bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada negara," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, pada mesyuarat itu beliau menjelaskan mengenai keadaan politik semasa dalam negara dan kesan daripada kempen keterlaluan pihak pembangkang.

Katanya, pembangkang terus memainkan peristiwa Sauk dengan membuat pelbagai dakwaan dalam usaha mereka untuk memecahbelahkan perpaduan di kalangan ahli BN.

"Tetapi pada masa yang sama, kita juga lihat bagaimana mereka cuba menggunakan pendekatan BN untuk menjalin hubungan di kalangan parti-parti lawan dalam pilihan raya yang lalu. Jadi mereka juga terima konsep BN," katanya.

(END)